

SELANGOR

ENACTMENT No. 6 of 2003

I ASSENT,

(STATE
SEAL)SHARAFUDDIN IDRIS SHAH,
Sultan of Selangor

8 July 2003

An Enactment to amend the Laws of the Constitution of Selangor, 1959.

[]

BE IT ENACTED by the Legislature of the State of Selangor as follows:

Short title

1. This Enactment may be cited as the Laws of the Constitution of Selangor (Amendment) Enactment 2003.

General amendment

2. The Laws of the Constitution of Selangor, 1959, which is referred to as “the Constitution” in this Enactment, except in First Part, is amended in the English language text by substituting for the words “Dewan di-Raja” wherever appearing the words “Council of the Royal Court”.

Amendment of Article XCVIII

3. Clauses (2) and (3) of Article XCVIII of the Constitution is amended in the English text by substituting for the words “Dewan di-Raja”, the words “Council of the Royal Court”.

Passed this 28 April 2003.

[PU. Sel. (Sulit) 54]

BAKHTIAR BIN HUSSIN,
Clerk of the Legislative Assembly,
Selangor

ENAKMEN PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG
(NEGERI SELANGOR) 2003

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran
3. Pelantikan Pesuruhjaya
4. Pelantikan Jawatankuasa
5. Pencetakan undang-undang yang disemak
6. Kuasa-kuasa Pesuruhjaya
7. Cara menyusun undang-undang yang disemak
8. Pemeriksaan oleh Jawatankuasa
9. Undang-undang yang disemak hendaklah mematuhi pendapat Jawatankuasa
10. Penyiaran undang-undang yang disemak
11. Siapnya penyemakan undang-undang sebelum tahun 2003 hendaklah diberitahu dalam *Warta*
12. Kecualian bagi perundangan subsidiari yang ada sekarang
13. Penyemakan perundangan subsidiari
14. Cetakan semula undang-undang
15. Penerbitan jilid demi jilid
16. Pengemaskinian cetakan semula
17. Perwakilan kuasa
18. Membetulkan kesilapan-kesilapan pada bentuk
19. Rujukan mengenai nombor barisan dalam sesuatu undang-undang

SELANGOR

ENAKMEN No. 7 tahun 2003

BETA PERKENANKAN,

(MOHOR
KERAJAAN)SHARAFUDDIN IDRIS SHAH,
Sultan Selangor

8 Julai 2003

Suatu Enakmen bagi membuat peruntukan untuk menyemak dan mencetak semula undang-undang dan perundangan subsidiari.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Penyemakan Undang-undang (Negeri Selangor) 2003 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Enakmen ini melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“*cetakan semula*” ertinya edisi cetakan semula mana-mana undang-undang, atau mana-mana jilid undang-undang sedemikian, yang disediakan dan diterbitkan menurut seksyen 3;

“*enakmen*” ertinya suatu undang-undang sebagaimana yang ditakrifkan di bawah ini atau mana-mana bahagian undang-undang itu;

“*Jawatankuasa*” ertinya Jawatankuasa Penyemak Undang-Undang yang dilantik di bawah seksyen 3;

“*Pesuruhjaya*” ertinya Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang yang dilantik di bawah seksyen 3;

“*Undang-undang*” ertinya mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan sesuatu perkara yang Dewan Undangan Negeri Selangor ada kuasa untuk membuat undang-undang tetapi, kecuali dalam seksyen 14, 15 dan 16, tidaklah termasuk Enakmen ini;

“*Undang-undang yang disemak*” ertinya edisi semakan mana-mana undang-undang yang disediakan dan diterbitkan menurut seksyen 3.

Pelantikan Pesuruhjaya

3. Duli Yang Maha Mulia Sultan hendaklah melantik seorang Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang dan Timbalan Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang untuk menyediakan dan menerbitkan undang-undang yang disemak dan cetakan semula sebagaimana yang difikirkan suaimanfaat oleh Pesuruhjaya.

Pelantikan Jawatankuasa

4. (1) Ketua Hakim bagi Mahkamah Persekutuan hendaklah, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, melantik suatu Jawatankuasa Penyemak Undang-Undang yang mengandungi tidak kurang daripada lima dan tidak lebih daripada tujuh orang ahli dari kalangan orang yang, pada pendapatnya, mempunyai kelayakan yang sesuai bagi maksud memeriksa naskhah-naskhah draf undang-undang yang disemak.

(2) Seseorang ahli Jawatankuasa itu hendaklah memegang jawatan bagi tempoh selama tiga tahun dan adalah layak untuk dilantik semula:

Dengan syarat bahawa Ketua Hakim boleh menamatkan jawatan seseorang ahli, dan mana-mana ahli boleh meletakkan jawatan, pada bila-bila masa.

(3) Mana-mana pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan yang telah ditetapkan oleh Peguam Negara Malaysia hendaklah menjadi Setiausaha kepada Jawatankuasa itu tetapi pegawai yang telah ditetapkan itu hendaklah tidak menjadi salah seorang ahli Jawatankuasa itu.

(4) Ahli Jawatankuasa Penyemak Undang-Undang bolehlah dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Pencetakan undang-undang yang disemak

5. Suatu undang-undang yang disemak hendaklah dicetak oleh Pencetak Kerajaan, atau oleh mana-mana pencetak lain sebagaimana yang dilantik oleh Pesuruhjaya dalam sesuatu hal yang tertentu bagi maksud itu.

Kuasa-kuasa Pesuruhjaya

6. (1) Pesuruhjaya adalah mempunyai kuasa-kuasa yang berikut:

- (i) meninggalkan daripada mana-mana undang-undang yang disemak—
 - (a) mana-mana enakmen pemansuhan dan apa-apa susunan atau senarai enakmen yang telah dimansuhkan, yang terkandung dalam sesuatu jadual atau selainnya;
 - (b) mana-mana peruntukan, atau bahagian sesuatu peruntukan, dalam mana-mana undang-undang yang tidak lagi berkuat kuasa;
 - (c) mana-mana mukadimah atau sebahagian daripada mukadimah dalam sesuatu undang-undang;
 - (d) mana-mana kata permulaan bagi enakmen dalam mana-mana undang-undang atau peruntukannya;
 - (e) mana-mana enakmen yang menetapkan tarikh bila sesuatu undang-undang atau sebahagiannya akan mula berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa tarikh bila undang-undang itu atau bahagiannya mula berkuat kuasa adalah dimasukkan oleh Pesuruhjaya dalam kurungan segi selepas sahaja tajuk panjang undang-undang yang disemak itu;

- (f) mana-mana enakmen pemindaan jika pindaan-pindaan yang terlibat olehnya itu dimasukkan oleh Pesuruhjaya dalam undang-undang yang berkenaan dengannya atau telah dimasukkan sedemikian dalam mana-mana cetakan semula yang dicetak menurut mana-mana undang-undang bertulis;
- (g) mana-mana ayat yang mengkanunkan undang-undang;
- (h) mana-mana bahagian undang-undang yang adalah lebih sesuai dimasukkan sebagai perundangan subsidiari;
- (i) mana-mana tafsiran mengenai apa-apa ungkapan yang ditakrifkan dalam undang-undang yang terpakai bagi pentafsiran undang-undang yang disemak itu dan istilah-istilah itu adalah sama atau serupa dengan istilah-istilah yang digunakan dalam takrif istilah undang-undang itu selepas ia disemak;
- (j) mana-mana peruntukan yang merujuk kepada sesuatu perkara dan perkara itu ada diperuntukkan mengikut istilah-istilah yang sama atau yang serupa dalam undang-undang yang terpakai bagi pentafsiran undang-undang itu selepas ia disemak:

Dengan syarat bahawa peruntukan berkenaan dengan cara mengertikan undang-undang pemindaan yang terkandung dalam undang-undang berkenaan dengan pentafsiran undang-undang hendaklah terpakai bagi peninggalan-peninggalan itu seolah-oleh peruntukan yang ditinggalkan itu telah dimansuhkan; dan

(k) mengenai sesuatu undang-undang berkenaan dengan perkara-perkara yang sebahagiannya dalam Senarai Negeri dan—

(A) yang sebahagiannya dalam Senarai Bersama atau Senarai Persekutuan; atau

(B) yang sebahagiannya dalam Senarai Bersama dan yang sebahagiannya dalam Senarai Persekutuan,

semua peruntukan kecuali peruntukan-peruntukan berkenaan dengan perkara-perkara dalam Senarai Negeri:

Dengan syarat bahawa bagi mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa berikutan dari kuasa-kuasa yang diberikan oleh suatu Akta Parlimen yang telah diluluskan menurut Perkara 76A Perlembagaan Persekutuan, Pesuruhjaya boleh, selepas berunding dengan Peguam Negara Malaysia, memasukkan dalam undang-undang yang disemak peruntukan-peruntukan selain daripada peruntukan-peruntukan yang merujuk kepada perkara-perkara dalam Senarai Negeri.

- (ii) mengatur susunan undang-undang yang disemak dan memberikan nombor bab, nombor siri atau nombor-nombor lain kepadanya;
- (iii) membuat apa-apa perubahan bentuk sebagaimana yang perlu atau suaimanfaat kepada mana-mana undang-undang bagi maksud mendapatkan persamaan ungkapan; atau bagi menyesuaikan undang-undang itu supaya selaras dengan peruntukan undang-undang yang terpakai bagi pentafsiran undang-undang itu selepas ia disemak;
- (iv) menerima pakai suatu bentuk piawaian yang sesuai dalam semua undang-undang yang disemak bagi—
 - (a) seksyen tafsiran;
 - (b) mana-mana seksyen penal;

- (c) mana-mana seksyen yang memberi kuasa untuk membuat perundangan subsidiari;
- (v) mengubah perkataan “Ordinan” atau “Perisytiharan” dalam mana-mana undang-undang kepada “Enakmen”;
- (vi) menambahkan tajuk panjang atau tajuk ringkas kepada mana-mana undang-undang yang menghendaknya, dan mengubah tajuk panjang atau tajuk ringkas mana-mana undang-undang;
- (vii) mengadakan atau mengubah susunan-susunan kandungan, susunan-susunan kronologi, rujukan-rujukan dan nota-nota:
 - Dengan syarat bahawa susunan-susunan kandungan, susunan-susunan kronologi, rujukan-rujukan dan nota-nota itu tidaklah menjadi sebahagian daripada undang-undang yang mengandungnya;
- (viii) menyatukan dalam satu undang-undang mana-mana dua undang-undang atau lebih atau bahagiannya yang *in pari material* berhubung dengan perkara-perkara yang Dewan Undangan Negeri Selangor berkuasa membuat undang-undang dan dengan menetapkan suatu tarikh yang difikirkan paling sesuai bagi mula berkuat kuasanya undang-undang itu;
- (ix) memecahkan mana-mana undang-undang kepada dua undang-undang atau lebih dan membuat apa-apa pindaan, termasuk memberikan tajuk-tajuk yang sedia ada sebagaimana yang didapati perlu;
- (x) menambahkan kepada, atau meninggalkan daripada, mana-mana undang-undang apa-apa peruntukan yang dikehendaki ditambahkan atau ditinggalkan, atau menggantikan apa-apa peruntukan mana-mana undang-undang yang dikehendaki digantikan, disebabkan oleh apa-apa pindaan yang dibuat kepada undang-undang itu oleh mana-mana undang-undang lain atau oleh sesuatu pihak berkuasa mengikut kuasa yang diberikan oleh undang-undang;
- (xi) memindahkan apa-apa peruntukan yang terkandung dalam sesuatu undang-undang daripada undang-undang itu kepada mana-mana undang-undang lain yang lebih sesuai bagi

peruntukan itu, dengan membuat apa-apa perubahan yang didapati perlu;

- (xii) mengubah susunan peruntukan dalam mana-mana undang-undang, dan menomborkan semula peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang;
- (xiii) mengubah bentuk atau susunan peruntukan mana-mana undang-undang dengan menukar tempat perkataan-perkataan, dengan mencantumkan kesemuanya atau sebahagiannya dengan suatu peruntukan lain atau peruntukan-peruntukan lain atau dengan memecahkannya kepada dua peruntukan atau lebih;
- (xiv) memecahkan mana-mana undang-undang, sama ada yang disatukan atau yang tidak disatukan, kepada bahagian-bahagian atau penggal-penggal lain;
- (xv) membetulkan kesilapan nahu, cetak dan kesilapan-kesilapan yang seumpamanya dan bagi maksud itu menambahkan, meninggalkan atau mengubah apa-apa perkataan dengan tidak menyentuh pengertian mana-mana undang-undang;
- (xvi) mengubah, memasukkan atau meninggalkan tanda-tanda bacaan dalam mana-mana undang-undang;
- (xvii) membuat apa-apa perubahan bentuk tentang nama, tempat, jabatan, pejabat, nama jawatan dan selainnya sebagaimana yang perlu untuk menyesuaikan mana-mana undang-undang dengan hal keadaan Persekutuan pada tarikh bila undang-undang dalam bentuknya yang disemak itu mula berkuat kuasa;
- (xviii) membuat apa-apa penyesuaian atau pindaan sebagaimana yang didapati perlu atau patut disebabkan oleh apa-apa perubahan tentang keanggotaan Persekutuan atau Negeri Selangor atau mana-mana bahagiannya atau mana-mana bahagian Komanwel;
- (xix) membetulkan rujukan-rujukan silang termasuk rujukan-rujukan mengenai undang-undang bagi wilayah-wilayah lain;
- (xx) membetulkan rujukan-rujukan mengenai undang-undang yang dimansuhkan dengan menggantikan rujukan-rujukan

itu dengan rujukan-rujukan mengenai mana-mana undang-undang yang telah memansuhkannya, dan bagi maksud itu adalah diisytiharkan bahawa suatu undang-undang disifatkan digantikan oleh suatu undang-undang lain jika dinyatakan dengan nyatanya dalam undang-undang yang kemudian itu bahawa ia menggantikan undang-undang yang dimansuhkan itu, atau jika undang-undang yang kemudian itu memperbuat undang-undang semula, sama ada dengan ubahsuaian atau tidak, mana-mana peruntukan undang-undang yang dimansuhkan itu;

- (xxa) mengemaskinikan istilah dan ejaan dalam teks bahasa kebangsaan mana-mana undang-undang supaya selaras dengan istilah dan ejaan yang diluluskan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka;
- (xxb) memotong apa-apa perkataan, ungkapan, tatanama atau peruntukan lain dalam mana-mana undang-undang yang tidak lagi digunakan atau tidak lagi berkuat kuasa, termasuk rujukan kepada undang-undang yang dimansuhkan, dan untuk menggantikannya jika perlu, dengan perkataan, ungkapan, tatanama atau peruntukan yang sesuai atau rujukan kepada undang-undang yang sesuai;
- (xxi) meringkaskan atau memudahkan rangkai kata mana-mana undang-undang;
- (xxii) memansuhkan atau meminda mana-mana enakmen yang berakibat dari penyediaan undang-undang yang disemak;
- (xxiii) menetapkan tarikh bila sesuatu undang-undang yang disemak itu akan mula berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa tarikh itu tidaklah boleh lebih awal dari tarikh bila undang-undang yang disemak itu disiarkan dalam *Warta*.

- (xxiv) membuat segala perkara lain yang berhubungan dengan bentuk dan kaedah yang perlu untuk memperkemas suatu undang-undang yang disemak.

(2) Dalam subseksyen (1), “pindaan” termasuklah, jika ia digunakan berhubung dengan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Pesuruhjaya, apa-apa perubahan undang-undang yang perlu untuk

melaksanakan mana-mana enakmen dalam mana-mana undang-undang lain supaya dengan demikian itu bidang, kuat kuasa atau pengertian mana-mana peruntukan undang-undang yang mula-mula disebut itu diubah, diubahsuai, diperluas, dihadkan, dipersyaratkan atau selainnya tersentuh.

(3) Kuasa-kuasa yang diberikan kepada Pesuruhjaya oleh subseksyen (1) tidaklah boleh diertikan sebagai dia berkuasa untuk membuat apa-apa perubahan atau pindaan tentang isi mana-mana undang-undang.

Cara menyusun undang-undang yang disemak

7. Suatu undang-undang yang disemak hendaklah disusun mengikut apa-apa bentuk sebagaimana yang difikirkan suaimanfaat oleh Pesuruhjaya dan hendaklah mengandungi—

(i) di muka hadapannya—

(a) ungkapan “Undang-undang Selangor”;

(b) tajuk ringkas dan nombor undang-undang yang disemak itu;

(c) tarikh yang sehingganya undang-undang itu disemak; dan

(d) tarikh yang ditetapkan di bawah seksyen 6(1)(xxiii) bila undang-undang yang disemak itu akan mula berkuat kuasa;

(ii) suatu senarai undang-undang yang telah meminda undang-undang itu sehingga tarikh penyemakannya dengan menunjukkan tarikh-tarikh bila pindaan-pindaan itu mula berkuat kuasa;

(iii) suatu senarai undang-undang atau bahagian-bahagiannya yang digantikan atau dimansuhkan oleh undang-undang yang disemak itu.

Pemeriksaan oleh Jawatankuasa

8. (1) Pesuruhjaya hendaklah menghantar sepuluh naskhah draf tiap-tiap undang-undang yang disemak dan sepuluh naskhah senarai pindaan yang dibuat olehnya dalam undang-undang yang disemak itu kepada Jawatankuasa untuk pemeriksaannya. Jawatankuasa itu hendaklah memeriksa naskhah-naskhah draf itu dan memperakui kepada Pesuruhjaya sama ada pada pendapat Jawatankuasa itu pindaan-pindaan yang dibuat oleh Pesuruhjaya adalah mengikut atau tidak mengikut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Enakmen ini. Jika Jawatankuasa itu tidak memperakui sedemikian dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh naskhah draf itu diterima oleh Setiausaha Jawatankuasa itu, maka pindaan-pindaan itu hendaklah disifatkan telah diperakui sebagai mengikut kuasa-kuasa Pesuruhjaya dan Pesuruhjaya bolehlah meneruskan tindakan mengikut seksyen 10(1).

(2) Sahnnya sesuatu perakuan yang diberikan oleh Jawatankuasa itu di bawah subseksyen (1) tidaklah boleh tercatat oleh apa-apa kekosongan dalam keanggotaan Jawatankuasa itu atau oleh sebab seseorang ahlinya tidak berupaya buat sementara untuk memberikan pendapatnya oleh sebab ahli itu tidak ada, uzur atau apa-apa sebab lain.

Undang-undang yang disemak hendaklah mematuhi pendapat Jawatankuasa

9. Jika Jawatankuasa memperakui bahawa sesuatu pindaan adalah tidak mengikut kuasa-kuasa Pesuruhjaya, maka Pesuruhjaya hendaklah, sebelum meneruskan tindakan mengikut seksyen 10(1), meminda draf undang-undang yang disemak bagi mematuhi pendapat Jawatankuasa.

Penyiaran undang-undang yang disemak

10. (1) Suatu undang-undang yang disemak yang mengandungi pindaan-pindaan yang telah diperakui atau yang disifatkan telah diperakui oleh Jawatankuasa sebagai mengikut kuasa-kuasa Pesuruhjaya hendaklah disiarkan dalam *Warta* dan hendaklah berkuat kuasa mulai dari tarikh yang dirujuk dalam seksyen 7(i)(d).

(2) Pada dan selepas dari tarikh sesuatu undang-undang yang disemak berkuat kuasa, undang-undang yang disemak itu hendaklah disifatkan sebagai dan ia hendaklah menjadi, dengan tidak dipersoalkan apa-apa jua pun dalam semua mahkamah dan bagi segala maksud, undang-undang yang tunggal dan yang sepatutnya bagi perkara-perkara yang termasuk dalamnya dan yang berkuat kuasa pada tarikh itu.

Siapnya penyemakan undang-undang sebelum tahun 2003 hendaklah diberitahu dalam *Warta*

11. Dengan seberapa segera yang boleh, Pesuruhjaya hendaklah, melalui pemberitahuan dalam *Warta* (yang akan disiarkan dalam Tambahan Enakmen), memperakui bahawa penyemakan semua undang-undang yang diperbuat sebelum satu haribulan Mei 2003 (kecuali undang-undang yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu), yang belum dimansuhkan pada tarikh pemberitahuan itu, telah siap dan dengan yang demikian mana-mana undang-undang yang belum disemak di bawah Enakmen ini dan yang belum dinyatakan dalam pemberitahuan itu hendaklah disifatkan telah dimansuhkan mulai dari tarikh pemberitahuan itu disiarkan.

Kecualian bagi perundangan subsidiari yang ada sekarang

12. Perundangan subsidiari yang dibuat di bawah mana-mana undang-undang dan yang berkuat kuasa hendaklah terus berkuat kuasa sehingga diperuntukkan selainnya; dan rujukan-rujukan dalam mana-mana perundangan subsidiari itu kepada undang-undang yang di bawahnya perundangan subsidiari itu telah dibuat, atau kepada mana-mana bahagiannya, atau kepada mana-mana undang-undang lain yang disemak hendaklah diertikan sebagai rujukan-rujukan kepada undang-undang yang disemak itu atau kepada undang-undang lain yang telah disemak itu.

Penyemakan perundangan subsidiari

13. (1) Maka hendaklah disediakan, dengan seberapa segera yang boleh, sebagai tambahan kepada tiap-tiap satu undang-undang yang disemak, suatu cetakan perundangan subsidiari yang disemak di bawah undang-undang yang disemak itu sebagaimana yang didapati oleh Pesuruhjaya cukup mustahak untuk dimasukkan dalamnya.

(2) Peruntukan-peruntukan Enakmen ini yang berhubungan dengan menyediakan dan menyiarkan suatu undang-undang yang disemak, tetapi bukan peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan pemeriksaan oleh Jawatankuasa, hendaklah terpakai dengan apa-apa ubahsuaian yang perlu bagi menyediakan dan menyiarkan perundangan subsidiari yang disemak.

Cetakan semula undang-undang

14. (1) Pencetak Kerajaan atau mana-mana Pencetak lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Pesuruhjaya dalam sesuatu hal yang tertentu bagi maksud itu boleh, dengan kuasa Pesuruhjayanya, membuat cetakan semula bagi mana-mana undang-undang, sama ada yang telah disemak atau tidak, yang mengandungi—

- (a) pindaan-pindaan yang dibuat oleh mana-mana undang-undang; dan
- (b) pindaan-pindaan yang dibuat oleh Pesuruhjaya di bawah kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen (2),

dan mana-mana naskhah cetakan semula itu yang berupa sebagai dicetak mengikut seksyen itu hendaklah disifatkan, sehingga akasnya dibuktikan, sebagai naskhah yang sah bagi undang-undang itu sebagaimana yang berkuat kuasa, kecuali setakat yang dinyatakan dalam naskhah itu, pada tarikh yang dinyatakan sedemikian.

(2) Pada menyediakan sesuatu cetakan semula, Pesuruhjaya mempunyai kuasa-kuasa yang terkandung dalam perenggan (vii), (x), (xv), (xvi), (xvii), (xviii), (xix), (xx), (xxa) dan (xxb) seksyen 6(1).

Penerbitan jilid demi jilid

15. (1) Pesuruhjaya boleh, jika difikirkannya suaimanfaat, membenarkan cetakan semula disediakan dan diterbitkan jilid demi jilid, mengikut apa-apa susunan dan pada bila-bila masa yang difikirkannya suaimanfaat.

(2) Mana-mana jilid sesuatu cetakan semula boleh mengandungi apa-apa susunan, lampiran dan perkara tambahan yang lain, termasuk indeks, sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Pesuruhjaya.

Pengemaskinian cetakan semula

16. Pesuruhjaya boleh, jika difikirkannya suaimanfaat, membenarkan penyediaan dan penerbitan laporan kemas kini yang mengandungi pindaan terkini kepada sesuatu cetakan semula, mengikut apa-apa susunan dan pada bila-bila masa yang difikirkannya suaimanfaat.

Pewakilan kuasa

17. Pesuruhjaya boleh mewakili mana-mana kuasanya di bawah seksyen 14(2), 15 dan 16 kepada Timbalan Pesuruhjaya.

Membetulkan kesilapan-kesilapan pada bentuk

18. (1) Pesuruhjaya boleh dengan perintah, yang dibuat mengenai sesuatu Enakmen selepas merujukkannya kepada Jawatankuasa, membetulkan sesuatu kesilapan mengenai tulisan, cetakan atau kesilapan lain dalam mana-mana undang-undang:

Dengan syarat bahawa pembetulan itu hendaklah tidak berlawanan dengan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Pesuruhjaya oleh seksyen 6, 13 dan 14.

(2) Sesuatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah mempunyai kuat kuasa undang-undang mulai dari tarikh yang dirujuk dalam seksyen 7(1)(d).

Rujukan mengenai nombor barisan dalam sesuatu undang-undang

19. Rujukan dalam mana-mana undang-undang mengenai nombor barisan sesuatu peruntukan dalam mana-mana undang-undang bererti barisan dalam cetakan naskhah rasmi yang terakhir bagi undang-undang itu pada masa undang-undang yang mengandungi rujukan itu diperbuat.

Diluluskan pada 28 April 2003.
[P.U. Sel. Am 0257]

BAKHTIAR BIN HUSSIN,
Setiausaha,
Dewan Undangan Negeri,
Selangor

REVISION OF LAWS (STATE OF SELANGOR)
ENACTMENT 2003

ARRANGEMENT OF SECTIONS

Section

1. Short title
2. Interpretation
3. Appointment of Committee
4. Printing of revised laws
5. Printing of revised laws
6. Powers of the Commissioner
7. Method of compiling a revised law
8. Examination by the Committee
9. Revised law to comply with Committee's opinion
10. Publication of revised law
11. Completion of revision of 2003 laws to be notified in *Gazette*
12. Saving of existing subsidiary legislation
13. Revision of subsidiary legislation
14. Reprint of laws
15. Publication volume by volume
16. Updating of reprints
17. Delegation of powers
18. Rectification of formal errors
19. Reference to number of line in any law

SELANGOR

ENACTMENT No. 7 of 2003

I ASSENT,

(STATE
SEAL)SHARAFUDDIN IDRIS SHAH,
Sultan of Selangor

8 July 2003

An Enactment to provide for the revision and reprinting of laws and subsidiary legislation.

[]

BE IT ENACTED by the Legislature of the State of Selangor as follows:

Short title

1. This Enactment may be cited as the Revision of Laws (State of Selangor) Enactment 2003 and shall come into operation on such date as may be appointed by the State Authority by notification in the *Gazette*.

Interpretation

2. In this Enactment, unless the context otherwise requires—

“*Commissioner*” means the Commissioner of Law Revision appointed under section 3;

“*Committee*” means the Law Revision Committee appointed under section 4;

“*enactment*” means a law as hereinafter defined or any part of such law;

“*law*” means any written law relating to a matter with respect to which the legislature of the State of Selangor has power to make laws, but, except in sections 14, 15 and 16, does not include this Enactment;

“*reprint*” means the reprint edition of any law, or any volume of such laws, prepared and published pursuant to section 3;

“*revised laws*” means the revised edition of any law prepared and published pursuant to section 3.

Appointment of Commissioner

3. His Royal Highness the Sultan shall appoint a Commissioner of Law Revision and a Deputy Commissioner of Law Revision to prepare and publish revised laws and reprints as the Commissioner deems it expedient.

Appointment of Committee

4. (1) The Chief Justice of the Federal Court shall, by notification in the *Gazette*, appoint a Law Revision Committee comprising not less than five and not more than seven members from amongst persons who in his opinion are suitably qualified for the purpose of examining copies of revised laws in draft.

(2) A member of the Committee shall hold office for a period of three years and shall be eligible for re-appointment:

Provided that the Chief Justice may terminate the appointment of a member, and any member may resign, at any time.

(3) Any member of the Judicial and Legal Service who has been designated by the Attorney-General of Malaysia shall be the Secretary to the Committee, but the officer so designated shall not be a member of the Committee.

(4) The member of Law Revision Committee may be paid such allowances as His Royal Highness the Sultan may determine.

Printing of revised laws

5. A revised law shall be printed by the Government Printer, or by such other printer as the Commissioner may in any particular case appoint for the purpose.

Powers of the Commissioner

6. (1) The Commissioner shall have the following powers:

(i) to omit from any revised laws—

(a) any repealing enactment and any table or list of repealed enactments, whether contained in a schedule or otherwise;

(b) any provision, or part of a provision, in any law, which has ceased to have effect;

(c) any preamble or part of a preamble to a law;

(d) any introductory words of enactment in any law or provision thereof;

(e) any enactment prescribing the date when a law or part of it is to come into force or operation:

Provided that the date on which the law or part thereof came into force or operation is inserted by the Commissioner in square brackets immediately following the long title of the revised law;

(f) any amending enactment where the amendments affected thereby are embodied by the Commissioner in the law to which they relate or have been so embodied in any reprint printed in pursuance of any written law;

(g) any enacting clause;

(h) any part of a law which can more conveniently be included as subsidiary legislation;

- (i) any interpretation of any expression which is defined in identical or similar terms to those used in the definition of that term contained in the law applicable for the interpretation of the law after it has been revised;
- (j) any provision referring to any matter for which provision is made in identical or similar terms in the law applicable for the interpretation of the law after it has been revised:

Provided that the provisions relating to the construction of amending laws contained in the law applicable for the interpretation of laws shall apply to such omissions in the same way as if the provision omitted has been repealed; and

- (k) in the case of a law which refers to matters partly in the State List—
 - (A) partly in the Concurrent or Federal List; or
 - (B) partly in the Concurrent List and partly in the Federal List,

all provisions other than those which refer to matters in the State List:

Provided that with respect to any law in force consequent upon powers conferred by an Act of Parliament passed pursuant to Article 76A of the Federal Constitution, the Commissioner may, after consultation with the Attorney-General of Malaysia, include in the revised law provisions other than those with reference to matters on the State List;

- (ii) to arrange the sequence of revised laws and to give chapter, serial or other numbers thereto;

- (iii) to make such formal alterations to any law as are necessary or expedient for the purpose of securing uniformity of expressions; or to bring the law into conformity with the provisions of the law applicable for the interpretation of the law after it has been revised;
- (iv) to adopt a convenient standard form in all revised laws for—
 - (a) the interpretation section;
 - (b) any penal section;
 - (c) any section giving power to make subsidiary legislation;
- (v) to alter the word “Ordinance” or “Proclamation” in any law to “Enactment”;
- (vi) to add a long title or a short title to any law which may require it, and to alter the long title or short title of any law;
- (vii) to supply or alter tables of contents, chronological tables, references and notes:
 - Provided that such tables of contents, chronological tables, references and notes shall not form any part of the law in which they appear;
- (viii) to consolidate into one law any two or more laws or part thereof *in pari material* relating to matters with respect to which the Legislature of the State of Selangor has power to make laws, making such alterations as are thereby rendered necessary in the consolidated enactment, and appointing such date for the coming into force thereof as may seem most convenient;
- (ix) to divide any law into two or more laws and to make such amendments, including the supplying of titles, or the alteration of existing title, as are thereby rendered necessary;
- (x) to add to or omit from any law any provision required to be added or omitted, or to substitute for any provision of any law any provision required to be substituted,

in consequence of any amendment made to that law by any other law or by any authority under powers conferred by law;

- (xi) to transfer any provision contained in a law from that law to any other law to which that provision more properly belongs, making any alterations thereby rendered necessary;
- (xii) to alter the order of the provisions in any law, and to re-number the provisions of any law;
- (xiii) to alter the form or arrangement of any provision of any law by transposing words, by combining it in whole or in part with another provision or other provisions or by dividing it into two or more provisions;
- (xiv) to divide any law, whether consolidated or not, into parts or other divisions;
- (xv) to correct grammatical, typographical and similar mistakes and for that purpose to make verbal additions, omissions, or alterations not affecting the meaning of any law;
- (xvi) to alter, insert or omit punctuation marks in any law;
- (xvii) to make such formal alterations as to names, localities, departments, offices, titles and otherwise as may be necessary to bring any law into conformity with the circumstances of the Federation on the date on which the law in its revised form is to come into force;
- (xviii) to make such adaptations or amendments in any law as may appear to be necessary or proper as a consequence of any change in the Constitution of the Federation or of the State of Selangor or any part thereof or any part of the Commonwealth;
- (xix) to correct cross-references including references to the laws of other territories;
- (xx) to correct references to repealed laws by substituting for such references to any laws by which the repealed laws have been replaced, for which purpose it is declared that

a law is deemed to be replaced by another law where it is expressly stated in the subsequent law that it replaces the repealed law, or where the subsequent law re-enacts with or without modification any provisions of a repealed law;

- (xxa) to update the terminology and spelling in the national language text of any law so that they are consistent with the terminology and spelling approved by the Dewan Bahasa dan Pustaka;
- (xxb) to delete any word, expression, nomenclature or other provision in any law which has become obsolete or has ceased to have effect, including references to repealed laws, and to substitute therefore, where necessary, the appropriate word, expression, nomenclature or provision or references to the appropriate laws;
- (xxi) to shorten or simplify the phraseology of any law;
- (xxii) to repeal or amend any enactment in consequence of the preparation of a revised law;
- (xxiii) to appoint the date on which a revised law shall come into force:

Provided that such date shall not be earlier than the date on which the revised law is published in the *Gazette*;
- (xxiv) to do all other things relating to form and method which may be necessary for the perfecting of a revised law.

(2) In subsection (1), “amendment” includes, where it is used in relation to the powers conferred upon the Commissioner, any variation of any law which is necessary for giving effect to any enactment in any other law whereby the scope, effect or construction of any provision of the first mentioned law is varied, modified, enlarged, restricted, qualified or otherwise affected.

(3) The powers conferred on the Commissioner by subsection (1) shall not be taken to imply any power in him to make any alteration or amendment in the substance of any law.

Method of compiling a revised law

7. A revised law shall be made up in such form as the Commissioner deems expedient and shall contain—

- (i) on the front page thereof—
 - (a) the expression “Laws of Selangor”;
 - (b) the short title and number of the revised law;
 - (c) the date up to which it has been revised; and
 - (d) the date appointed under section 6(1)(xxiii) on which the revised law is to come into force;
- (ii) a list of the laws by which the law has been amended up to the date of its revision showing the dates on which the amendments came into force;
- (iii) a list of the laws or parts thereof which the revised law supercedes or repeals.

Examination by the Committee

8. (1) The Commissioner shall transmit ten draft copies of every revised law of the list of amendments made by him in that edition of the revised law to the Committee for its examination. The Committee shall examine the draft copies and certify to the Commissioner whether in the opinion of the Committee the amendments made by the Commissioner are or are not within the powers conferred upon him by this Enactment. If the Committee shall fail so to certify within a period of thirty days from the receipt by the Secretary to the Committee of the draft copies, the amendments shall be deemed to have been certified as being within the powers of the Commissioner and the Commissioner may proceed in accordance with section 10(1).

(2) The validity of any certificate given by the Committee under subsection (1) shall not be affected by any vacancy in the membership of the Committee or by the inability of any member thereof to give his opinion by reason of temporary absence, indisposition or any other cause.

Revised law to comply with Committee's opinion

9. Where the Committee certifies that an amendment is not within the powers of the Commissioner, the Commissioner shall, before proceeding in accordance with section 10(1), amend the draft of the revised law to comply with the opinion of the Committee.

Publication of revised law

10. (1) A revised law containing amendments which have been certified or which are deemed to have been certified by the Committee as being within the powers of the Commissioner shall be published in the *Gazette* and shall come into force as from the date referred to in section 7(i)(d).

(2) On and after the date from which a revised law comes into force, such revised law shall be deemed to be and shall be without any question whatsoever in all courts and for all purposes whatsoever the sole and only proper law in respect of matters included in it and in force on that date.

Completion of revision of 2003 laws to be notified in *Gazette*

11. As soon as may be, the Commissioner shall, by notification in the *Gazette* (to be published in the Enactments Supplement) certify that the revision of all laws enacted before the first day of May 2003 (except for such laws as may be specified in the notification), which have not been repealed at the date of the notification, has been completed, and thereupon any such law which has not been revised under this Enactment and which has not been specified in the notification shall be deemed to have been repealed as from the date of publication of the notification.

Saving of existing subsidiary legislation

12. Subsidiary legislation made under any law and in force on the date on which that law as revised comes into force shall continue in force until otherwise provide; and references in any such subsidiary legislation to the law under which it was made, or to any part thereof, or to any other revised law shall be construed as references to the revised law or to that other law as revised.

Revision of subsidiary legislation

13. (1) There shall be prepared, as soon as may be convenient, as supplementary to each revised law a revised edition of such subsidiary legislation under such revised law as appears to the Commissioner to be of sufficient importance to be included in it.

(2) The provisions of this Enactment relating to the preparation and publication of a revised law, but not the provisions relating to examination by the Committee, shall apply with any necessary modifications to the preparation and publication of revised subsidiary legislation.

Reprint of laws

14. (1) The Government Printer or such other Printer as the Commissioner may in any particular case appoint for the purpose may, with the authority of the Commissioner, make a reprint of any law, whether revised or not, containing—

- (a) amendments effected by any law; and
- (b) amendments made by the Commissioner under the powers conferred upon him by subsection (2),

and any copy of a reprint purporting to be printed in accordance with this section shall be deemed, until the contrary is shown, to be the authentic text of the law as in force, except in so far as may be specified in the copy, on such date as may be so specified.

(2) In preparing a reprint, the Commissioner shall have the powers contained in paragraphs (vii), (x), (xv), (xvi), (xvii), (xviii), (xix), (xx), (xxa) and (xxb) section 6(1).

Publication volume by volume

15. (1) The Commissioner may, if he considers it expedient, authorize a reprint to be prepared and published volume by volume, in any sequence and at such times as he deems expedient.

(2) Any volume of a reprint may contain such tables, appendices and other supplementary matter, including an index as the Commissioner may consider necessary.

Updating of reprints

16. The Commissioner may, if he considers it expedient, authorize the preparation and publication of updates incorporating the latest amendments to a reprint, in any sequence and at such times as he deems expedient.

Delegation of powers

17. The Commissioner may delegate any of his powers under sections 14(2), 15 and 16 to the Deputy Commissioner.

Rectification of formal errors

18. (1) The Commissioner may by order, made in the case of an Enactment after reference to the Committee, rectify any clerical, printing or other error in any law:

Provided that no such rectification shall be inconsistent with the powers conferred upon the Commissioner by sections 6, 13 and 14.

(2) An order made under subsection (1) shall have the force of law with effect from the date referred to in section 7(1)(d).

Reference to number of line in any law

19. A reference in any law to the number of a line of any provision of any law shall mean that line in the latest official printed copy of that law at the time of the enactment of the law containing the reference.

Passed this 28 April 2003.
[PU. Sel. Am 0257]

BAKHTIAR BIN HUSSIN,
*Clerk of the Legislative Assembly,
Selangor*

SELANGOR

ENAKMEN No. 8 tahun 2003

BETA PERKENANKAN,

(MOHOR
KERAJAAN)SHARAFUDDIN IDRIS SHAH,
Sultan Selangor

8 Julai 2003

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pembekalan Air 1997.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti yang berikut:

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Pembekalan Air (Pindaan) 2003. Tajuk ringkas.
2. Enakmen Pembekalan Air 1997, yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini, dipinda, dengan menggantikan perkataan-perkataan “Pengarah Bekalan Air Negeri” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan-perkataan “Pengarah Jabatan Kawalselia Air”. Pindaan am.
3. Seksyen 2 Enakmen ibu dipinda— Pindaan seksyen 2.
 - (a) dengan menggantikan takrif “Pengarah” dengan takrif yang berikut:

“Pengarah” ertinya Pengarah Jabatan Kawalselia Air yang dilantik di bawah seksyen